

11/08/1998

Malaysia lindungi harta Singapura

Nadzim Ahmad Jamalludin

JOHOR BAHRU, Isnin - Malaysia sentiasa menjaga `kepentingan' Singapura di negara ini termasuk menempatkan Askar Wataniah bagi mengawasi keselamatan beberapa loji penapis air milik Lembaga Perbekalan Awam (PUB) republik itu di negeri ini.

Tinjauan Berita Harian di kawasan Kerja Air Sultan Ismail, Skudai, satu daripada empat loji dikendalikan PUB Singapura, mendapati kawalan ketat dikenakan kepada sesiapa yang mahu mengunjungi loji berkenaan.

Usaha untuk mendapatkan maklumat dan merakam gambar di kawasan yang mempunyai `kepentingan' kepada Singapura itu terhalang sama ada disebabkan tidak mendapat kerjasama atau kawalan ketat.

Wartawan Berita Harian yang memperkenalkan diri kepada seorang kakitangan PUB yang bertugas di pintu masuk utama loji berkenaan, tidak dibenarkan masuk.

Sebaliknya, pekerja itu yang enggan dikenali meminta wartawan Berita Harian menghubungi Ibu Pejabat PUB di Singapura atau menelefon Pengurus Kerja di loji berkenaan yang hanya dikenali sebagai Woon jika ingin mendapatkan sebarang maklumat.

Bagaimanapun, usaha untuk menghubungi Woon gagal kerana pekerja di loji berkenaan tidak bekerja hari ini sempena cuti umum Hari Kebangsaan Ke-33 Singapura, semalam.

Usaha untuk merakamkan gambar di sekitar kawasan loji itu juga gagal kerana dihalang oleh anggota Wataniah yang lengkap bersenjata senapang M-16 yang berkawal di pintu masuk utama loji berkenaan.

Ketika jurugambar Berita Harian menunjukan lensanya ke arah pintu masuk loji itu, anggota Wataniah berkenaan dengan nada tegas berkata:

"Encik, jangan ambil gambar di sini. Nanti saya rampas kamera awak,".

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berucap dalam perhimpunan rakyat di sini, ada menyebut Malaysia tidak pernah mengganggu harta Singapura di negara ini.

Beliau membuat kenyataan itu berikutan usaha Singapura memberi tekanan agar Malaysia memindahkan pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) dari stesen kereta api Tanjong Pagar, yang menjadi isu sekarang sehingga menimbulkan ketegangan hubungan di antara kedua-dua negara.

Empat loji air yang dikendalikan PUB Singapura di Johor ialah di Gunung Pulai Pontian; Sungai Lingiu di Kota Tinggi; Skudai dan Tebrau.

Mengikut perjanjian bekalan air ke Singapura, Johor menjual air mentah kepada Singapura dengan harga tiga sen bagi setiap 4,540 liter dan membeli semula air yang sudah diproses oleh loji republik itu pada harga 50 sen bagi setiap 4,540 liter.

Malaysia ketika ini membekalkan 214 juta liter air mentah sehari ke Singapura dan membeli semula 35 juta liter air yang sudah diproses sehari dari empat loji milik Singapura di Johor.

Bekalan itu berdasarkan Perjanjian Air Sungai Johor 1961 dan 1962. Perjanjian pada 1961 akan tamat pada 2011 manakala perjanjian kedua pada 2061.

Sementara itu, menurut sumber, anggota Wataniah yang bertugas di pintu masuk utama Kerja Air Sultan Ismail, Skudai adalah dari Markas 7 Briged yang berpangkalan di Kluang, Johor.

Sambil menyifatkan kehadiran anggota tentera di loji itu sebagai penting untuk menjaga kepentingan kedua-dua negara, beliau berkata, penempatan anggota tentera terbabit bukan perkara baru, malah mereka sudah lama

ditempatkan di situ.

"Anggota tentera terbabit ditempatkan di situ untuk menjaga sasaran penting 7 Briged," katanya yang enggan mengulas lanjut kerana faktor keselamatan.

Berita Harian difahamkan, selain Kerja Air Sultan Ismail di Skudai, tentera Wataniah turut ditempatkan di Gunung Pulai, Pontian.

(END)